

PM tegur pengusaha hotel enggan turun

(P) sewa bilik

KUALA LUMPUR 10 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegur pengusaha - pengusaha hotel yang masih enggan menurunkan kadar sewaan bilik walaupun kerajaan telah mengorak langkah pertama dengan mengurangkan kadar tarif elektrik.

Tegas beliau, sekiranya sikap pengusaha-pengusaha hotel masih begini, maka adalah lebih baik kerajaan menaikkan semula kadar sewa bilik kepada 1985.

Dengan cara ini, tambah Perdana Menteri, sekurang-kurangnya kerajaan dapat menyimpan wang yang biasa dipungut dan menggunakannya dengan cara yang lebih berfaedah.

Berucap di majlis perletakan batu asas projek kondominium Che Wan Development di sini pagi ini, beliau berkata, kerajaan kesal dengan sikap pengusaha - pengusaha hotel yang menyatakan bahawa keputusan kerajaan mengurangkan kadar bayaran elektrik tidak memberi kesan sama sekali kepada industri mereka.

Katanya, kerajaan cuba melayan dan memberi segala galakan kepada semua pihak sama ada pegawai kerajaan atau pun pihak swasta, pengusaha dan peniaga untuk membantu mereka memajukan perusahaannya masing-masing.

"Kalau ada desakan supaya kita menurunkan kadar tarif, kita akan cuba melakukannya, tetapi malangnya setiap kali kita membuat sesuatu untuk melayan segala tuntutan ini, tidak ada sesiapa pun yang menyuarakan perasaan terima kasih atas tindakan yang telah diambil," ujar beliau.

Sebaliknya, tambah Datuk Sri Dr. Mahathir, mereka menyatakan bahawa apa yang kerajaan buat tidak memberi kesan sama sekali kepada perusahaan masing-masing dan oleh itu mereka tidak dapat menyahut seruan kerajaan supaya menurunkan kadar bayaran perkhidmatan masing-masing.

Menyentuh tentang projek kondominium tersebut di mana setiap unit berharga RM 250,000, Perdana Menteri

menghalang pemaju - pemaju projek menjalankan rancangan - rancangan mereka tetapi ia sewajarnya perlu diberi pertimbangan yang menyeluruh.

Katanya, janganlah pemaju-pemaju projek meneruskan sesuatu rancangan sedahgkan mereka mengetahui bahawa ia tidak akan mendapat sambutan.

Beliau menambah, dalam keadaan ekonomi negara yang tidak begitu baik segala perbelanjaan perlu buat dengan berhati-hati.

"Kita jangan merasa